

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATIN DR. SUZANA SULAIMAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**sempena**

**UiTM ALUMNI FUN RUN 2023**

**anjuran**

**PEJABAT  
JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI (ICAN)**

**28 OKTOBER 2023 | SABTU | 7.00 PAGI**

**PERKARANGAN  
DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR  
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

- 1) Yang Amat Berhormat  
Dato' Seri Haji Aminuddin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan;**
- 2) Yang Berbahagia  
Datuk Haji Abdul Wahab Aziz  
Pro-Canselor UiTM  
merangkap Presiden Persatuan Alumni UiTM  
Sarawak (MITSA);**
- 3) Barisan Pengurusan Universiti**
- 4) Rektor-Rektor Kampus Cawangan**
- 5) Datuk–Datuk, Datin–Datin, Profesor-Profesor**
- 6) Mahasiswa-Mahasiswi dan Alumni UiTM**
- 7) Para Penaja, Rakan-rakan Media dan**
- 8) Hadirin yang saya hormati sekalian.**

(Salutasi akan dikemaskini oleh pihak penganjur sebelum majlis berlangsung)

1. Bersyukur saya kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama dalam program riadah **UiTM Alumni Fun Run 2023** di Lake Garden, Seremban pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin Harun**, Menteri Besar Negeri Sembilan kerana sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan acara penuh bersejarah ini dengan membuat **“flag off”** buat para peserta UiTM Cawangan Negeri Sembilan.
3. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada **Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Wahab Aziz**, Pro-Canselor UiTM merangkap Presiden Persatuan Alumni UiTM Sarawak (MITSA) yang akan turut melepaskan peserta dari UiTM Cawangan Sarawak di Kampus Samarahan.

4. Sesungguhnya, kami warga UiTM yang hadir pada hari ini berasa amat gembira dan berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Yang Berbahagia Datuk, dan para hadirin sekalian. Ribuan terima kasih saya ucapkan!

**Para hadirin yang saya hormati sekalian,**

5. Untuk makluman, UiTM Alumni Fun Run pada hari ini merupakan salah satu program bersempena sambutan Hari Alumni UiTM yang bakal diadakan pada 19 Disember 2023 nanti. Acara yang diadakan serentak ini, melibatkan kampus induk di Shah Alam dan dua belas kampus cawangan UiTM sebagai lokasi larian di seluruh negara.
6. Terima kasih banyak saya ucapkan kepada Rektor-Rektor dan para peserta program yang telah berkumpul sejak awal pagi tadi di:
  - 1) UiTM Johor, Kampus Segamat;
  - 2) UiTM Kedah, Kampus Merbok;
  - 3) UiTM Kelantan, Kampus Machang;
  - 4) UiTM Melaka, Kampus Alor Gajah;

- 5) UiTM Pahang, Kampus Jengka;
  - 6) UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar;
  - 7) UiTM Perlis, Kampus Arau;
  - 8) UiTM Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh;
  - 9) UiTM Sabah, Kampus Kota Kinabalu;
  - 10) UiTM Sarawak, Kampus Samarahan;
  - 11) UiTM Negeri Sembilan, Seremban Lake Garden  
dan
  - 12) UiTM Terengganu, Kampus Dungun.
7. Saya merasa amat teruja dapat bersama-sama para alumni dan warga UiTM dari seluruh kampus cawangan dalam aktiviti sukan yang santai. Ia dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan keluarga besar UiTM serta mengukuh dan melebar luas jaringan antara para pelajar dan staf UiTM dengan alumni kita. Aktiviti sebegini menunjukkan peri pentingnya keterlibatan aktif para alumni dalam memberi sokongan menjayakan program universiti.

8. Difahamkan, daripada **2,666** orang peserta yang telah direkodkan bagi program ini, seramai **1,837** atau **69%** merupakan alumni UiTM.
  
9. Kepada para alumni yang bersama kita hari ini, saya ucapkan syabas dan tahniah! Ingatlah anda adalah antara ratusan ribuan alumni UiTM yang berjaya bukan sahaja berada di seluruh Malaysia, malahan di serata pelusok dunia. Teruskan usaha gigih anda semua untuk melakukan yang terbaik demi keluarga, universiti, komuniti, dan seterusnya mengharumkan nama negara.
  
10. Saya amat berharap, penglibatan proaktif alumni UiTM yang **setakat 19 Okt 2023 pada jam 4.04 petang** berjumlah seramai **710,317** orang, akan terus menjadi aset bernilai UiTM dengan keunikan, kekuatan dan pengalaman berharga yang dimiliki masing-masing.

**Para hadirin sekalian,**

11. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada para penaja yang bukan sahaja dalam kalangan alumni UiTM, malah rakan-rakan industri UiTM. Antaranya, **MOKTI'S; Nectar Verse Sdn. Bhd.; Koperasi Belia Digital Sdn. Bhd.; FARM FRESH; UiTM Private Specialist Centre (UPSC); La Calisto Sdn. Bhd.; Persatuan Alumni UiTM Sabah (PAUS); dan Majlis Perbandaran Seremban.**
  
12. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Persatuan Alumni MassComm UiTM, serta rakan-rakan media dari Berita Harian, Bernama, Selangorkini, Utusan dan RTM yang telah banyak membuat liputan berita berkenaan UiTM.
  
13. Usaha dan komitmen yang telah diberi secara langsung membuktikan keprihatinan alumni dan rakan industri untuk terus menyokong UiTM.

Sumbangan yang telah diberikan amat kami hargai. Terima kasih tidak terhingga saya ucapkan!

14. Tidak lupa juga, terima kasih kepada seluruh warga Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM atas kejayaan menganjurkan satu lagi acara bersejarah buat UiTM. Tahniah dan Syabas ICAN!
15. Akhir kata, saya amat berharap kerjasama erat antara pihak universiti dan para alumni dapat memperkukuh dan memberi nilai tambah besar kepada usaha berterusan UiTM memperkembangkan pembangunan modal insan berkualiti yang akan menggapai kejayaan cemerlang dan menyumbang kepada perpaduan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara di masa hadapan.
16. Dengan lafaz “**Bismillahi Rahmanirr Rahim**” saya dengan ini merasmikan **UiTM Alumni Fun Run 2023**.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**